

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 APRIL 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 7

17.65 juta kemas kini PADU

17.65 juta kemas kini PADU

Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak catat pendaftaran tertinggi lebih 60 peratus

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Seramai 17.65 juta bersamaan 58.7 peratus keseluruhan profil rakyat, termasuk ahli isi rumah di bawah 18 tahun yang berjaya dikemas kini dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Ia termasuk 11.55 juta iaitu 52.6 peratus warganegara berumur 18 tahun ke atas yang telah berjaya mendaftar dan mengemas kini profil diri dalam sistem berkenaan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, pihaknya berterima kasih kepada rakyat yang mengambil inisiatif mendaftar PADU, termasuk pasukan pembangunan PADU, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Jabatan Digital Negara, Kementerian Komunikasi serta agensi-agensi lain atas usaha menjayakan pelaksanaan sistem itu.

"Komitmen tinggi dan tidak berbelah bahagi telah ditunjukkan oleh



RAFIKI

pasukan PADU sejak hari pertama pendaftaran dibuka hingga ditutup pada 11.59 malam, 31 Mac 2024," katanya.

Sementara itu, DOSM akan mengeluarkan keputusan proses penganalisisan dan pengesahan tapisan pertama sistem PADU pada pertengahan April tahun ini.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, walaupun tarikh mengemas kini maklumat dalam sistem berkenaan telah tamat, namun data pengguna sedia ada daripada pelbagai agensi kerajaan akan digunakan terlebih dahulu.

"Insya-ALLAH semoga *first-cut results process analytic and verification* dapat dikeluarkan pertengahan April ini.

"Bagi mereka yang belum sempat mengemas kini maklumat pada tarikh tutup, maka data pentadbiran yang diterima daripada pelbagai agensi akan diguna dahulu dalam proses penganalisisan," katanya dalam satu

hantaran di Facebook pada Isnin.

Januari lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan PADU iaitu sistem yang mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara serta pemastautin tetap di negara ini.

Objektif PADU ialah sebagai penyediaan pangkalan data utama negara yang selamat, komprehensif dan

PECAHAN PENDAFTARAN PADU MENGIKUT NEGERI (%)

Johor	48.4
Kedah	58.9
Kelantan	65.2
Melaka	53.0
Negeri Sembilan	56.2
Pahang	59.7
Pulau Pinang	52.9
Perak	60.3
Perlis	66.9
Selangor	44.5
Terengganu	62.7
Sabah	52.8
Sarawak	46.7
W.P. Kuala Lumpur	47.6
W.P. Labuan	55.2
W.P. Putrajaya	56.5

JUMLAH: 52.6 PERATUS

hampir masa sebenar, analitik data lebih tepat mampu dihasilkan serta membolehkan pelaksanaan dasar secara bersasar bagi mengimbangi kedudukan fiskal.

Sementara itu, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan memaklumkan, pihaknya juga bakal membentangkan perancangan penyasaran semula subsidi kepada jemaah menteri pada April ini.

"Kepada warganegara yang tidak berjaya mendaftar dan mengemas kini profil di PADU, data pentadbiran sedia ada adalah mencukupi serta akan digunakan untuk kerajaan menentukan kelayakan individu bagi tujuan penyasaran semula subsidi."

"Sekiranya ada keperluan, Kementerian Ekonomi akan umum pembukaan semula PADU untuk tempoh singkat bagi pendaftaran dan pengemasikan setelah kerajaan membuat keputusan bentuk serta mekanisme subsidi bersasar," ujarnya lagi.